

Program Persijilan Membaiki Iphone: Keperluan Perlaksanaan Program Terhadap Pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan, Politeknik Ibrahim Sultan

Nor' Ashikin Binti Mohd Nasir, Mohamed Rizuan Bin Mohame Noah dan Azrin Nur farhana binti Azman
Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10, Jalan Kong Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor
N_shikin@pis.edu.my, m_rizuan@pis.edu.my, Azrin@pis.edu.my

Abstrak: Sijil Professional dan Sijil Kemahiran Teknikal merupakan salah satu daripada pelan transformasi Politeknik dalam memenuhi *Key Performance Index (KPI)* para pelajar. Program persijilan ini adalah bagi memenuhi keperluan para pelajar di Politeknik seluruh Malaysia dalam menghadapi persaingan dalam mencari pekerjaan. Ini juga merupakan satu nilai tambah (*value added*) yang diberikan kepada pelajar dengan tujuan untuk memberi kemahiran tambahan kepada para pelajar selain memiliki diploma. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah Keperluan Program Persijilan Membaiki Iphone yang di jalankan ke atas para pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) Politeknik Ibrahim Sultan supaya mereka berupaya mencipta pekerjaan sendiri berbekalkan kemahiran yang dimiliki. Populasi Kajian adalah ke atas pelajar semester akhir yang mengikuti program DEP. Kajian dijalankan ke atas 30 orang responden. Instrumen Kajian yang digunakan adalah soal selidik. Data yang diperolehi akan di analisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 23. Implikasi kajian ini menunjukkan hasil dapatan bahawa tahap keperluan program ini pada tahap tinggi (skor min= 4.09). Dapatan untuk kefahaman pelajar mengenai membaiki iphone pada tahap yang sangat rendah (skor min= 2.36) manakala reaksi pelajar bagi kesediaan mendapatkan kursus persijilan pada tahap yang sangat tinggi (skor min= 4.69) Dapatan ini menunjukkan Program Persijilan Membaiki Iphone merupakan satu keperluan kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) di Politeknik Ibrahim Sultan.

Kata kunci: Sijil Professional, Membaiki Iphone, Diploma Kejuruteraan Elektrik (DEP)

1. PENGENALAN

Mengikuti latihan atau kursus yang mengikut bidang adalah sangat diperlukan dalam meningkatkan prestasi seseorang. Kemahiran ini termasuklah kemahiran umum atau kemahiran khusus. Kemahiran khusus merupakan kemahiran teknikal pekerjaan manakala kemahiran umum hanya fokus kepada rasionaliti, pengetahuan, pembelajaran, akal dan konsep merupakan kemahiran tanpa mengikut jenis pekerjaan (Abd Hair Awang, 2007). Selain pendidikan akademik terdapat juga latihan berasaskan kemahiran untuk mendapatkan kelayakan sesuatu bidang yang dinamakan Sijil Professional dan Sijil Kemahiran Teknikal.

Program Persijilan merupakan satu program yang dibangunkan untuk mencapai Indeks Kecemerlangan (KPI) bagi para pelajar di Politeknik. Ini selaras dengan misi politeknik dimana melahirkan pelajar melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Tujuan



program ini ini dijalankan adalah untuk memastikan para graduan politeknik mempunyai kebolehpasaran tinggi dan mereka boleh mencipta pekerjaan mereka.

1.1 Pernyataan Masalah

Berpandukan kurikulum baru yang telah digubal oleh Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik (BPPK, JPP) yang sedang dilaksanakan diseluruh politeknik di Malaysia. Bagi menghadapi kurikulum baru ini, maka dalam salah satu KPI (Key Performance Index) pelajar mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu Pensijilan Professional atau Sijil Kemahiran Teknikal. Oleh hal yang demikian, satu pendekatan diambil oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik bagi merealisasikan tujuan ini.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang dinyatakan seperti berikutL:

- i) Adakah para pelajar berasa suatu keperluan bagi mendapatkan Sijil Kemahiran ini?
- ii) Adakah Program persijilan ini meningkatkan kefahaman pelajar dalam membaiki Iphone?
- iii) Adakah para pelajar bersedia untuk mengikuti Kursus Persijilan Membaiki Iphone ini?

1.3 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan yang dinyatakan, beberapa objektif kajian perlu dicapai iaitu:

- i) Tahap keperluan pelajar bagi memiliki sijil membaiki iphone.
- ii) Tahap meningkatkan kefahaman pelajar dalam membaiki iphone.
- iii) Tahap kesediaan para pelajar untuk mengikuti kursus membaiki Iphone ini.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini menjurus kepada pelajar kejuruteraan elektrik yang mengambil Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP). Kajian ini dijalankan ke atas 30 pelajar semester akhir Diploma Elektronik Perhubungan (DEP) Politeknik Ibrahim Sultan.

1.5 Kepentingan Kajian

Bersesuaian dengan matlamat dan objektif kajian, ia memberi maklumat tentang kepentingan dan keperluan sijil pentauliah melalui persijilan professional atau sijil kemahiran teknikal. Hasil kajian ini akan menguatkan lagi bagi menyediakan keperluan kursus persijilan membaiki iphone ini.

- i) Institusi
Kajian ini akan menjadi bukti yang kuat bagi pihak atasan dalam menyediakan keperluan yang mencukupi bagi para pelajar untuk mengikuti latihan sijil professional

dan sijil kemahiran teknikal pada masa hadapan. Keperluan sijil ini kepada para pelajar adalah sangat perlu diutamakan kerana bagi menyediakan pelajar yang berdaya saing serta boleh menyediakan pekerjaan sendiri berbekalkan kemahiran yang diperolehi

1.6 Metodologi Kajian

Kajian deskriptif digunakan untuk menghurai data kuantitatif yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden. Teknik soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang primer. Kajian ini selalu digunakan bagi kajian berbentuk tinjauan di mana ia lebih mudah mendapatkan kerjasama responden dan responden lebih bebas memilih pendapat (Sharipah Khadijah, 2001). Data sekunder diperolehi dari artikel, majalah dan laman sesawang. Seterusnya data diperolehi di analisa menggunakan perisian SPSS.

2.0 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan kandungan borang soal selidik yang dibuat. Kajian rintis ini di buat ke atas 10 orang responden yang diambil daripada sampel kajian. Pemilihan responden adalah secara rawak. Pengiraan nilai cronbach's alpha ditentukan adalah untuk menguji kebolehpercayaan instrument kajian. Hasil kajian rintis mencatatkan kebolehpercayaan tinggi dengan nilai cronbach's alpha sebanyak 0.840 seperti Jadual 1

Jadual 1: Kebolehpercayaan rintis terhadap boring soal selidik

Bahagian B	Bilangan Item	Nilai kebolehpercayaan (α =Alpha Cronbach)
Soalan 1:	5	0.592
Soalan 2:	8	0.940
Soalan 3:	4	0.980
Keseluruhan		0.840

2.1 Analisa Dapatan

Data yang diperolehi di analisa menggunakan perisian SPSS. Statistik deskriptif digunakan untuk memperoleh skor min, sisihan piawai dan peratusan bagi menganalisa data terkumpul dan menjawab persoalan kajian. Skala likert digunakan dibahagian B dengan pemberat skala ditunjukkan seperti jadual 2 manakala tafsiran min bagi tahap penerimaan responden dikelaskan seperti jadual 3. Ringkasan analisa kajian ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 2: Pemberat skala likert

Skala likert	Maklum balas
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Jadual 3: Tafsiran Min

Skor min purata	Keperluan sijil Professional
1.00-2.40	Rendah
2.41-3.80	Sederhana
3.81-5.00	Tinggi

(Sumber: Wiersma William, 1995)


Jadual 4: Analisa Data

Soalan Kajian	Jenis Analisis
Bahagian A: Maklumat responden	Deskriptif- Frekuensi dan Min
Bahagian B:	
Adakah para pelajar berasa suatu keperluan bagi mendapatkan Sijil Kemahiran ini dalam meningkatkan nilai tambah pelajar?	Skor Min
Adakah Program persijilan ini meningkatkan kefahaman pelajar dalam membaiki Iphone?	Skor Min
Adakah para pelajar bersedia untuk mengikuti Kursus Persijilan Membaiki Iphone ini?	Skor Min

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Bahagian A (data demografi)

Ciri demografi responden yang diambil dalam kajian ini adalah jantina. Seramai 30 responden di ambil dimana responden lelaki seramai 21 orang iaitu 70% manakala responden perempuan adalah seramai 9 orang iaitu 30%.



Rajah 1: Taburan responden mengikut jantina

3.2 Bahagian B (Data Soalan Kajian)

- i) Persoalan Kajian 1: Adakah para pelajar berasa satu keperluan bagi mendapatkan Sijil Kemahiran ini?

Bahagian ini mengandungi 5 item soalan yang mengambil kira indikator keperluan mendapatkan Sijil Kemahiran ini. Jadual 5 adalah analisa yang telah dibuat.

Jadual 5: Analisis bagi item keperluan mendapatkan Sijil Professional

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1.	Saya ingin mempunyai sijil professional	4.49	Tinggi
2.	Saya pernah mendengar Sijil Kemahiran membaiki Iphone	3.83	Tinggi
3.	Saya tahu bahawa sijil kemahiran penting untuk Keperluan KPI pelajar politeknik	3.63	Tinggi
4.	Saya tahu sijil ini membantu saya menjana wang sendiri	4.34	Tinggi
5.	Saya tahu sijil ini membantu pelajar menaiktaraf kemahiran seiring dengan diploma yang diperolehi.	4.17	Tinggi
Jumlah min keseluruhan keperluan mendapatkan Sijil Professional		4.09	Tinggi

- ii) Persoalan Kajian 2: Adakah pogram persijilan ini meningkatkan kefahaman pelajar dalam membaiki Iphone?

Bahagian ini mengandungi 8 item soalan yang mengambil kira indikator pelaksanaan program dalam meningkatkan kefahaman pelajar. Hasil dapatan menunjukkan skor min keseluruhan sebanyak 2.36 iaitu pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai kefahaman cara-cara membaiki iphone. Ini merujuk seperti Jadual 6.



Jadual 6: Analisis bagi item Kefahaman pelajar membaiki iphone.

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1.	Pernahkah anda tahu cara untuk membuka skru iphone atau smartphone untuk melihat dalaman phone anda	2.09	Rendah
2.	Adakah anda tahu apakah anda perlu lakukan sekiranya camera tidak berfungsi?	2.20	Rendah
3	Adakah anda tahu apakah kerosakan jika anda tidak mendapati phone tiada signal?	1.74	Rendah
4	Sekiranya home button phone tidak berfungsi, adakah anda tahu untuk membaikinya?	2.60	Sederhana
5	Jika skrin phone retak dan gelap, adakah anda tahu cara untuk membaikinya?	2.14	Rendah
6	Pernahkah anda melihat orang lain membaiki iphone atau smartphohe	3.2	Sederhana
7	Sekiranya screen protektor pecah, adakah anda tahu untuk menukarnya?	2.91	Sederhana
8	Adakah kemahiran ini terdapat di dalam mana-mana teori dalam pembelajaran dan pengajaran anda?	2.02	Rendah
Jumlah min keseluruhan kefahaman membaiki iphone		2.36	Rendah

iii) Adakah para pelajar bersedia untuk mengikuti Kursus Persijilan Membaiki Iphone ini?

Bahagian ini mengandungi 4 item soalan yang mengambil kira indikator tahap kesediaan pelajar. Hasil dapatan ini menunjukkan skor min keseluruhan sebanyak 4.57 iaitu pada tahap tinggi seperti dalam jadual 7.

Jadual 7: Analisis bagi item kesediaan pelajar mengikuti kursus kemahiran

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Saya berminat memiliki sijil kemhairan membaiki iphone	4.75	Tinggi
2	Saya bersedia menghadiri kursus kemahiran membaiki iphone	4.80	Tinggi
3	Saya bersedia membayar yuran yang dikenakan bagi mendapatkan kursus ini	4.60	Tinggi
4	Saya bersedia berkongsi kepakaran bersama rakan-rakan yang lain	4.60	Tinggi
Jumlah min keseluruhan kesediaan pelajar mengikuti kursus kemahiran		4.69	Tinggi



Berdasarkan daripada analisis yang dilakukan didapati bahawa keperluan program persijilan ini berjaya mendapat catatan skor min yang tinggi iaitu 4.09. Bagi menentu ukur kefahaman pelajar tentang membaiki iphone reaksi pelajar adalah sangat rendah iaitu pada min 2.36 manakala pelajar memberi reaksi yang sangat baik dengan skor min 4.69 pada tahap tinggi bagi kesediaan pelajar mengikuti kursus persijilan ini. Berdasarkan penemuan kajian terhadap Keperluan Program Persijilan sangat memberi kesan positif kepada pelajar untuk mendapatkannya. Perbincangan akan diadakan bersama pihak CISEC Politeknik Ibrahim Sultan bagi menyiapsiaga sebuah program dalam masa terdekat.

4.0 IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa kajian dijalankan, beberapa cadangan berikut boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan

- i. Mengadakan kursus membaikpulih iphone dengan usaha sama jabatan dan unit *Collaboration, Industrial Services and Employability Centre* (CISEC) dalam satu kumpulan yang terdiri dalam lingkungan 15-20 orang peserta di mana CISEC akan menaja separuh yuran dan pelajar sendiri akan menanggung separuh lagi yuran.
- ii. Memasukkan elemen keusahawanan dalam bidang membaiki iphone supaya dapat pelajar lebih mudah bersaing dan meyiapkan pekerjaan sendiri selepas mereka menghabiskan diploma mereka di politeknik.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa Program Persijilan Membaiki Iphone merupakan sebuah program yang amat diperlukan bagi memberi sebuah nilai tambah kepada para pelajar di Politeknik Ibrahim Sultan. Diharap dengan adanya sijil ini juga dapat meningkatkan keupayaan pengetahuan dan pemikiran inovasi serta meningkatkan daya saing keusahawanan dapat diterapkan kepada para pelajar. Jesteru, di dalam usaha menambahbaik kedudukan pelajar politeknik maka adalah baiknya keseluruhan pelajar semester akhir dapat menghadiri program sebegini bagi melahirkan pelajar yang mampu mencapai misi dan visi politeknik se Malaysia.



6.0 RUJUKAN

Abd Hair Awang, Rahmah Ismail et.al (2007). *Potensi Permintaan Tenaga Kerja Berkemahiran dalam Sektor Perkilangan, Pembinaan dan Perkhidmatan Di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).

http://www.ippbm.gov.my/v2/index.php?option=com_rubberdoc&view=category&id=40&Itemid=46&lang=bm

Baikpulih Telefon Bimbit Asas dan Lanjutan

<http://doctor-phone.com>

<http://handphonesolution.com>

Sijil Kepakaran

[http://www.malaysia.gov.my/BM/Relevant%20Topics/Education%20and%20Learning/Citizen/ProfessionalCertification/Pages/ ProfessionalCertification.aspx](http://www.malaysia.gov.my/BM/Relevant%20Topics/Education%20and%20Learning/Citizen/ProfessionalCertification/Pages/ProfessionalCertification.aspx)

Wiersma, W. (1995). "Research Method in Education". Allyn & Bacon: Boston

Sharipah Khadijah S. Hashim (2001), "*Minat, Sikap Dan Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran*", Kajian Kes, KUITTHO.